





'**Berminda Usahawan, Berjiwa Ilmuwan**' - tema ucaptama tahunan Naib Canselor 2014 yang menjadi pedoman kepada setiap lapisan warga Universiti Malaysia Perlis (UniMAP) untuk terus mengasah keringat dan daya saing demi kelangsungan institusi akademik ini sebagai gedung utama pembudayaan dan penyebaran ilmu. Alhamdulillah, berkat komitmen semua pihak, UniMAP terus melakar kejayaan demi kejayaan sepanjang tahun 2014. Universiti ini menerima penarafan keseluruhan QS Stars tiga bintang berdasarkan kepada penilaian yang dibuat oleh badan penarafan terkenal dunia, QS Intelligence Unit.


Penilaian keseluruhan dibuat berdasarkan lapan aspek iaitu pengajaran dan pembelajaran (lima bintang), kemudahan prasarana (lima bintang), jaringan kerjasama (empat bintang), pengantarabangsa (tiga bintang), kebolehpasaran graduan (tiga bintang), budaya dan penglibatan masyarakat (tiga bintang), penyelidikan (satu bintang) serta kejuruteraan dan teknologi (satu bintang). Penarafan lima bintang dalam aspek pengajaran dan pembelajaran yang diberikan QS Stars ini adalah bertepatan dengan penarafan Sistem Penarafan Institusi Pengajian Tinggi Malaysia (SETARA) yang turut mengiktiraf UniMAP sebagai lima bintang sebelum ini.

Dalam aspek jurnal dan penyelidikan, Scimago Institutions Ranking (SIR) menunjukkan UniMAP berada pada kedudukan 1,715 terbaik dunia atau kedudukan ke-10 terbaik di Malaysia dari segi jumlah penulisan yang diterbitkan dalam jurnal terindeks Scopus. SIR juga menunjukkan peningkatan UniMAP dalam kedudukan kumpulan bakat saintifik iaitu jumlah penulis berdasarkan bilangan penerbitan bagi tempoh tertentu dengan catatan 1,528 terbaik dunia atau kedudukan 10 terbaik di Malaysia. Usaha menggiatkan jaringan antarabangsa berjaya menempatkan kedudukan UniMAP pada kedudukan 2,281 terbaik dunia, manakala nilai sitasi daripada penulisan artikel staf UniMAP telah menempatkan universiti ini pada kedudukan 1,981 terbaik dunia pada tahun 2014.







Graf 1 : Bilangan penulisan yang diterbitkan dalam jurnal terindeks Scopus



Graf 2 : Kedudukan Kumpulan Bakat Saintifik UniMAP



Graf 3 : Kedudukan UniMAP dalam kerjasama antarabangsa




Graf 4 : Kedudukan nilai sitasi daripada penulisan artikel staf UniMAP

Menerusi Konvensyen Kumpulan Inovatif Kreatif (KIK) Peringkat IPTA Kali Ke-10 di Universiti Malaysia Sarawak (UNIMAS), Sarawak, penyertaan UniMAP melalui Kumpulan REKA dari Pusat Pengajian Kejuruteraan Pembuatan dan Kumpulan HIJAU LESTARI dari Pusat Pengajian Kejuruteraan Sistem Elektrik telah membuahkan hasil. Kumpulan REKA dengan produk inovasinya *Agro Chili Cutter (AGRO CC)* telah mengharumkan nama UniMAP setelah dinobatkan sebagai Penerima Anugerah Inovasi Terbaik Kategori Teknikal 2014, sekaligus menyandang Naib Johan keseluruhan Konvensyen KIK IPTA Ke-10. Kumpulan REKA telah membawa pulang wang tunai berjumlah RM4,000.00, piala iringan, dan sijil penghargaan. Manakala Kumpulan HIJAU LESTARI berjaya memenangi Pingat Emas untuk Inovasi Kategori Pengurusan melalui produk Kit Pembelajaran Sistem Tenaga Hibrid Di UniMAP.

UniMAP juga telah menerima pengiktirafan peringkat antarabangsa apabila menerima Anugerah *New Era Technology, Innovation & Quality* daripada Otherways Association, Management and Consulting di Rome, Itali. Penghargaan ini adalah atas kejayaan UniMAP memartabatkan bidang kejuruteraan, teknologi serta inovasi di peringkat dunia. Selain itu, UniMAP terpilih menerima anugerah *The Peak of Success Award* di *The Bizz 2014*. Kejayaan ini merupakan yang kedua buat UniMAP dalam *The Bizz* selepas kali pertama menerimanya tahun lalu.

UniMAP seterusnya terpilih meraih anugerah *The Golden Europe Award for Quality & Commercial Prestige* bagi tahun 2014. Penganugerahan itu bertujuan untuk memberi penghargaan kepada





semua organisasi dari seluruh dunia yang cemerlang dalam bidang kualiti dan kecemerlangan. UniMAP juga menerima tiga lagi pengiktirafan dalam aspek Tanggungjawab Sosial Korporat (CSR) daripada World Confederation of Business. Pengiktirafan WORLDCOB-CSR: 2011.2 mengiktiraf UniMAP sebagai sebuah institusi yang mempunyai sistem pengurusan yang terbaik dalam tiga bidang iaitu hubungan pekerja (*Labor Relationship*), Komuniti dan Tanggungjawab Persekitaran (*Environmental Responsibility*).

Naib Canselor UniMAP, Brig. Jen. Datuk Prof. Dr. Kamarudin Hussin pula turut menerima penghormatan apabila dianugerahi Ijazah Doktor Kehormat Hubungan Antarabangsa (Doctor Honoris Causa) oleh Universiti Karabuk, Turki. Pengiktirafan berkenaan adalah bagi menghargai sumbangan dan komitmen beliau dalam memperkasa hubungan akademik serta kerjasama di antara UniMAP dengan Universiti Karabuk yang secara tidak langsung mengeratkan hubungan dua hala Malaysia-Turki.

Beliau turut menerima pengiktirafan antarabangsa daripada Kongres Canselor dan Naib Canselor Sedunia di Mumbai, India apabila dianugerahkan *Awards for Outstanding Contribution to Education* di atas sumbangan beliau yang luar biasa kepada bidang pengajian tinggi terutamanya di peringkat global. Beliau juga menerima pengiktirafan *International Socrates Awards in Education* dan *Best Quality Leadership Award* berdasarkan imej positif beliau yang mewakili entiti pendidikan tinggi di peringkat antarabangsa.

Beliau menjadi Naib Canselor pertama yang menerima pengiktirafan *Top Research Scientist Malaysia* (TRSM) 2014 oleh Akademi Sains Negara. Selain Datuk Prof. Dr. Kamarudin, tiga lagi penyelidik dari UniMAP turut tersenarai antara 34 penerima TRSM 2014 iaitu Prof. Dr. Uda Hashim, Prof. Dr. Syed Alwee Aljunied Syed Junid dan Prof. Madya Dr. Che Mohd. Ruzaidi Ghazali.

Datuk Prof. Dr. Kamarudin juga turut menerima pengiktirafan Lincoln Peace Award daripada Persatuan Rekacipta Universiti Korea (KUIA) hasil daripada sumbangan beliau dalam memartabatkan inovasi bagi penyelidikan muda ke persada antarabangsa. Anugerah berkenaan juga diberi bagi menghargai sumbangan dan peranan beliau sebagai penggerak jalinan dan hubungan inovasi Malaysia dan Korea terutama di kalangan penyelidik Institusi Pengajian Tinggi.

Pengiktirafan dalam bidang penyelidikan juga dituruti oleh kumpulan penyelidik daripada Pusat Kecemerlangan Kejuruteraan Komunikasi Termaju, PPK Komputer dan Perhubungan bagi produk ZCC-OCDMA Code for Symmetric fiber-to-the-Home (FTTH) in Access Network yang menerima Anugerah MSC Malaysia AICTA-Kategori Aplikasi Komunikasi Terbaik.

Bidang sukan terus mencatatkan kecemerlangan pada tahun 2014. UniMAP terus mempertahankan kejuaraan buat kali ketujuh berturut-turut dalam Kejohanan Sukan Staf Antara Universiti Malaysia (SUKUM). UniMAP dinobatkan sebagai juara keseluruhan setelah meraih sembilan (9) pingat emas, tujuh (7) pingat perak dan tiga (3) pingat gangsa. Kejayaan mempertahankan kejuaraan ini dikongsi juga oleh pasukan golf apabila dinobatkan sebagai juara keseluruhan untuk tiga tahun berturut-turut dalam Kejohanan Golf Institusi Pengajian Tinggi Awam (IPTA) Kali Ke-42. Pasukan bola sepak UniMAP pula menempa nama apabila menjuarai dua kejohanan secara berturut-turut iaitu Piala Yayasan Tuanku Syed Putra (YTSP) dan Piala Tuanku Syed Putra.

Kecemerlangan yang diraih adalah bertitik tolak daripada kekuatan sumber manusianya. Pada tahun 2014, Perbendaharaan dengan perakuan Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA) telah meluluskan sebanyak 267 jawatan kosong kepada UniMAP menjadikan jumlah keseluruhan 1542 jawatan. Daripada jumlah tersebut 1,366 jawatan telah diisi terdiri daripada 0.3% jawatan kumpulan pengurusan tertinggi, 54.7% kumpulan pengurusan dan profesional (akademik), 10.6% kumpulan pengurusan dan profesional (bukan akademik) dan 34.4% kumpulan pelaksana. UniMAP turut mempunyai 76 orang staf bukan warganegara.

Pada tahun 2014 juga seramai 59 orang staf daripada pelbagai jawatan dinaikkan pangkat mengikut gred jawatan masing-masing iaitu seorang Profesor, 16 orang Pensyarah Kanan dan 6 orang Pegawai Latihan Vokasional Kanan, manakala bagi jawatan bukan



akademik, seorang staf dinaikkan pangkat ke Gred S54, dua orang ke Gred N52, 6 orang dinaikkan ke gred 48 mengikut jawatan masing-masing, 16 orang dinaikkan ke Gred 44 mengikut jawatan masing-masing dan 11 orang staf kumpulan pelaksana dinaikkan ke gred kanan mengikut jawatan masing-masing. Tahun 2014 turut menyaksikan persaraan wajib bagi tiga orang staf.


Keahlian Lembaga Pengarah menyaksikan perantikan semula tiga orang Ahli Lembaga Pengarah iaitu YBrs. Tuan Abdul Rasid bin Sudin, YBhg. Prof. Dr. Ali Yeon Md Shakaff dan YBhg. Dato' Dr. Mohd Sofi bin Osman, manakala YBhg. Dato' Annuar Mohd Saffar telah dilantik menggantikan YBhg. Dato' Ir. Dr. Gue See Sew yang tamat tempoh pelantikan sebagai Ahli Lembaga Pengarah pada 31 Oktober 2014. Lembaga Pengarah serta warga UniMAP turut kehilangan Ahli Ganti KPM, Allahyarham En. Mohd. Zamani bin Harun yang telah kembali ke Rahmatullah pada 4 Disember 2014.

YAB Menteri Pendidikan juga telah bersetuju untuk melantik semula YBhg. Dato' Prof. Dr. Zul Azhar Zahid Jamal sebagai Timbalan Naib Canselor (Akademik dan Antarabangsa) Universiti Malaysia Perlis berkuat kuasa mulai 1 Mac 2014 hingga 29 Februari 2016. Selain itu, Lembaga Pengarah Universiti turut meluluskan kenaikan pangkat dan melantik Puan Mazmin Mat Akhir sebagai Ketua Pustakawan bagi tempoh tiga tahun berkuatkuasa mulai 1 Oktober 2014 hingga 30 September 2017.

Bagi memantapkan lagi kompetensi sumber manusianya, UniMAP telah melaksanakan pelbagai kursus dan latihan. Pada tahun 2014, sebanyak 101 kursus telah dijalankan iaitu 22 kursus anjuran dalaman, 46 kursus dijalankan secara anjuran bersama PTJ lain dan 32 kursus yang dianjurkan oleh institusi luar. Berdasarkan Surat Pekeliling Perbendaharaan Bilangan 6 Tahun 2005 yang menetapkan agar semua penjawat awam perlu menghadiri kursus sekurang-kurangnya tujuh hari setahun, UniMAP telah mencatatkan pencapaian 97.05% iaitu menyamai pencapaian tahun sebelumnya.

Tahun 2014 mencatat jumlah keseluruhan seramai 114 orang staf akademik telah diluluskan untuk mengikuti skim pengajian lanjutan. 64 orang felo menyambung pengajian di peringkat Sarjana dan Ijazah Kedoktoran di bawah Skim Latihan Tenaga Pengajar Akademik. Skim ini adalah tajaan Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) melalui Skim Latihan Akademik Bumiputera (SLAB) dan Skim Latihan Akademik IPTA (SLAI). 50 orang staf yang terdiri daripada Pegawai Latihan Vokasional dan Pensyarah pula telah diluluskan untuk cuti belajar di peringkat Ijazah Kedoktoran di bawah Skim Pengajian Latihan Kakitangan Akademik.

Atas sumbangan dan jasa bakti staf dalam memartabatkan nama Universiti ini, seramai 98 orang staf pelbagai jawatan telah terpilih untuk menerima Anugerah Perkhidmatan Cemerlang berdasarkan



Laporan Penilaian Prestasi Tahun 2013. Selain itu, 33 orang lagi terpilih menerima Anugerah Khas Perkhidmatan Cemerlang dengan tiga orang menerima Anugerah Pendidik Cemerlang, 2 orang menerima Anugerah Pentadbir Cemerlang, 9 orang menerima Anugerah Staf Sokongan Cemerlang dan bakinya menerima Anugerah Versatil.

UniMAP turut mengiktiraf beberapa orang tokoh di peringkat kebangsaan dan antarabangsa. Menteri Badan Usaha Milik Negara (BUMN) Indonesia, Bapak Dahlan Iskan dianugerahkan Ijazah Kehormat Doktor Persuratan sebagai menghargai sumbangan dan pencapaian beliau dalam memartabatkan industri media di Indonesia dengan menerajui Jawa Post News Network yang memiliki rangkaian bidang penyiaran sama ada media cetak mahupun media elektronik. Selain itu UniMAP turut menganugerahkan empat Ijazah Kehormat kepada empat orang tokoh iaitu Ijazah Kehormat Doktor Pengurusan yang dianugerahkan kepada Ketua Pengakap Negara, Dato' Seri Paduka Dr. Hj. Shafie Hj. Mohd. Salleh yang merupakan mantan Menteri Pengajian Tinggi Malaysia; Ijazah Kehormat Doktor Sains, dianugerahkan kepada Pengarah The National Research Center for Building and Construction Technology at King Abdulaziz City for Science and Technology (KACST), Prof. Dr. Mohammed A. Binhussain; Ijazah Kehormat Doktor Kejuruteraan, dianugerahkan kepada Saintis Senior di New Technologies Research Center at West Bohemia University in Czech Republic, Prof. Dr. Ali H. Reshak, dan Ijazah Kehormat Doktor Ekonomi, dianugerahkan kepada mantan Menteri Kewangan Malaysia, Tun Daim Zainuddin.

Perkembangan modal insan di UniMAP adalah seiring dengan perkembangan pembangunan sistem pentadbirannya. Pusat Kerjasama Industri (CIC) dinaik taraf kepada Pusat Kerjasama Industri dan Agensi Kerajaan (CIGC) berkuat kuasa mulai 1 Mac 2014 selaras dengan peranannya yang semakin meluas dalam jaringan hubungan

kerjasama dua hala dengan agensi atau organisasi berkaitan di seluruh Malaysia dan seantero dunia. Demi kelangsungan usaha untuk menggiat dan membudayakan penulisan dan penerbitan ilmiah di kalangan staf terutama staf akademik untuk menyokong aktiviti pengajaran, pembelajaran dan penyelidikan, Unit Penerbitan telah dinaiktaraf kepada Pusat Penerbitan UniMAP (PENERBIT) berkuat kuasa 1 Januari 2014.

Dengan kelulusan penubuhan Fakulti Teknologi Kejuruteraan berkuatkuasa 25 November 2013, semua 13 program Sarjana Muda Teknologi Kejuruteraan telah dipusatkan di bawah Fakulti ini. Tahun 2014 turut menyaksikan penubuhan Pusat Pengajian Pembangunan Insan dan Teknokomunikasi (iKOM) yang dinaiktaraf daripada Pusat Teknologi Komunikasi dan Pembangunan Insan (PTKPI) berkuatkuasa pada 1 April 2014, setelah Kementerian Pendidikan meluluskan penawaran program baru di peringkat Sarjana Muda iaitu Ijazah Sarjana Muda Komunikasi Media Baharu (Kepujian). Penubuhan iKOM sekaligus menyaksikan Pusat Kaunseling diletakkan di bawah struktur pentadbiran iKOM dan jawatan Pengarah Pusat Kaunseling dibubarkan. Begitu juga dengan UniMAPfm yang diletakkan di bawah struktur pentadbiran iKOM berkuatkuasa 16 Julai 2014, dan jawatan Pengarah UniMAPfm dibubarkan. Pejabat Pengetua Kolej Kediaman turut distrukturkan semula dan dikenali sebagai Unit Perumahan dan Penginapan Pelajar bagi memberikan perkhidmatan yang terbaik kepada para pelajarnya.

Senat juga telah memperakui perubahan nama bagi program di bawah Pusat Pengajian Kejuruteraan Alam Sekitar iaitu Ijazah Sarjana Muda Kejuruteraan (Kepujian) (Kejuruteraan Bangunan) yang kini dikenali sebagai Ijazah Sarjana Muda Kejuruteraan (Kepujian) (Kejuruteraan Awam) berkuatkuasa 25 Mac 2014.



Sehingga tahun 2014, UniMAP telah menawarkan beberapa program pengajian Pra Siswazah seperti berikut:

- 6 program Diploma Kejuruteraan,
- 21 program Sarjana Muda Kejuruteraan,
- 13 program Sarjana Muda Teknologi Kejuruteraan
- 2 program Sarjana Muda Perniagaan.
- 1 program Sarjana Muda Media Baharu

Selain pengajian Pra Siswazah, UniMAP turut menawarkan program-program pengajian peringkat Pasca Siswazah seperti berikut:

- 37 bidang pengajian Sarjana Sains Mod Penyelidikan
- 6 program pengajian Sarjana Sains Mod Campuran
- 1 program pengajian Sarjana Sains Mod Kerja Kursus
- 37 bidang pengajian peringkat Doktor Falsafah (PhD)

Selaras dengan bilangan program pengajian yang ditawarkan, UniMAP telah menambah bilangan pengambilan pelajar bagi sidang akademik 2014/15. Seramai 3424 orang pelajar telah mendaftar iaitu 3048 orang bagi program Ijazah Sarjana Muda dan 376 orang bagi program diploma, iaitu peningkatan jumlah keseluruhan pelajar mendaftar sebanyak 7% berbanding tahun 2013. Jumlah enrolmen atau keseluruhan pelajar aktif sehingga 31 Disember 2014 adalah seramai 10506 orang iaitu 9281 orang bagi program Ijazah Sarjana Muda dan 1225 orang bagi program diploma.

Pelajar antarabangsa juga menunjukkan peningkatan jumlah berdaftar iaitu pertambahan seramai 76 orang berbanding 380 orang yang direkodkan pada tahun 2013. Walaubagaimanapun, pelajar yang mendaftar untuk Kursus Bahasa Inggeris Intensif (IEC) menyaksikan penurunan sebanyak 46% apabila hanya 80 orang pelajar sahaja mendaftar berbanding 174 orang pada tahun 2013. Bagi pelajar pascasiswazah pula, seramai 1136 pelajar telah mendaftar iaitu peningkatan sebanyak 41.82% berbanding tahun 2013 dan daripada jumlah tersebut 244 orang daripadanya adalah pelajar antarabangsa dari 19 buah Negara.

UniMAP telah melahirkan seramai 1,875 graduan bagi tahun 2014. Daripada jumlah tersebut 44 graduan adalah bagi peringkat Doktor Falsafah, 100 graduan bagi peringkat Ijazah Sarjana, 1,128 graduan bagi peringkat Ijazah Sarjana Muda Kejuruteraan, 295 graduan bagi peringkat Ijazah Sarjana Muda Perniagaan dan 308 graduan bagi peringkat Diploma. Berdasarkan jumlah kebolehpasaran graduan, sebanyak 78% telah mendapat pekerjaan selepas 6 bulan bergraduat sama ada dengan kerajaan, syarikat swasta, multinational, GLC dan sebagainya. Bakinya melanjutkan pengajian atau kemahiran atau bekerja sendiri.

Penyelidikan terus mengungguli kecemerlangan UniMAP. Sepanjang tahun 2014 para penyelidik UniMAP telah menyertai 8 pameran penyelidikan peringkat kebangsaan dan 9 penyertaan di peringkat antarabangsa. Berdasarkan penyertaan-penyertaan tersebut, UniMAP berjaya meraih keseluruhan 110 pingat emas, 57 pingat perak dan 31 pingat gangsa. Pertumbuhan geran penyelidikan juga terus pesat dan memberangsangkan. Pada tahun 2014, UniMAP telah mencatatkan nilai geran penyelidikan sebanyak RM14,831,160 yang melibatkan 220 projek penyelidikan berbanding pada tahun lepas iaitu sebanyak 197 projek sahaja.

Perkongsian maklumat dan ilmu pengetahuan untuk setiap lapisan warganya terus ditingkatkan. Sehingga Disember 2014, Perpustakaan UniMAP mempunyai 49,393 naskah bahan monograf bercetak; 7,512 bahan media berbentuk cakera padat, filem dan video; 1.7 juta judul buku elektronik; dan 15,340 judul e-jurnal. Kebanyakan bahan boleh diakses melalui 42 pangkalan data atas talian yang disediakan di Perpustakaan tersebut. UniMAP juga terus berusaha memperkasakan penerbitan ilmiahnya. Sehingga Disember 2014, sebanyak 22 judul buku dan enam (6) jurnal telah diterbitkan bagi memenuhi keperluan penyelidikan, pembelajaran dan pengajaran serta ilmu kepada masyarakat umum.

Jalinan kerjasama strategik terus ditingkatkan dengan organisasi atau institusi akademik dalam dan luar Negara. Sepanjang 2014, sebanyak 22 Memorandum Persefahaman (MoU) telah ditandatangani iaitu 13 di peringkat kebangsaan dan 9 di peringkat antarabangsa. UniMAP turut menandatangani Surat Niat (LoI) iaitu 5 di peringkat kebangsaan dan 9 di peringkat antarabangsa di samping menandatangani 2 Memorandum Persefahaman (MoA). Kolaborasi dengan rakan Negara serumpun juga diteruskan dengan penganjuran bersama Seminar Pendidikan Melayu Antarabangsa (SePMA) dengan 5 Universitas di Surabaya, Indonesia. UniMAP juga telah menjadi tuan rumah bagi penganjuran Asia Summer Program (ASP) yang menyaksikan penyertaan lebih 200 peserta mewakili 28 universiti dari 12 buah Negara di Asia.

Kecemerlangan UniMAP turut disumbangkan oleh para pelajarnya. Melalui penyertaan ke pertandingan serta pameran penyelidikan dan inovasi di dalam dan luar negara, sebanyak 59 pingat dan anugerah telah berjaya diperolehi oleh para penyelidik muda UniMAP. Pasukan RELASIS UniMAP pula telah muncul juara keseluruhan Pertandingan Menembak RELASIS Peringkat Kebangsaan 2014. Kejayaan itu diperolehi selepas ahli pasukan berjaya menjuarai tiga daripada empat acara yang dipertandingkan. Pelajar antarabangsa UniMAP turut berjaya meraih Anugerah Tarian Tradisional Terbaik di Pertandingan '1 World Culture', manakala Pasukan SMaRT (School of Manufacturing Racing Team), PPK Pembuatan turut menempa

kejayaan apabila meraih tempat ketiga keseluruhan bagi kategori 250cc dalam kejohanan EIMARace 2014.

Walaupun bagaimanapun, takhta juara keseluruhan Malaysia International Robot Competitions (MIRoC) gagal dipertahankan apabila pasukan UniMAP sekadar meraih Tempat Ke-2 dan Anugerah Khas kategori Fire Fighting Robot dalam pertandingan pada tahun 2014. Sukan pelajar turut mencatat beberapa keputusan cemerlang apabila UniMAP telah berjaya menduduki tangga ke-4 keseluruhan dengan pungutan pingat 15 Emas, 6 Perak dan 8 Gangsa dalam Sukan Institusi Pengajian Tinggi Malaysia (SUKIPT) 2014.

Bagi aspek pembangunan kampus tetap pula, melalui *4th Rolling Plan*, UniMAP telah menerima peruntukan sebanyak RM51.5 juta untuk tujuh(7) projek pembangunan baru iaitu Bangunan Canseleri / Pendaftar & Bendahari, Pusat Pengajian Kejuruteraan Bahan, Pusat Pengajian Kejuruteraan Sistem Elektrik, Jabatan Hal Ehwal Pelajar & Alumni, Pusat Teknologi Maklumat & Komunikasi, Dewan Besar dan Reservoir. Semua projek – projek tersebut diurus oleh agensi teknikal kebangsaan iaitu Jabatan Kerja Raya (JKR) yang bertindak sebagai agensi pelaksana kecuali projek Pusat Teknologi Maklumat & Komunikasi (ICT) yang akan diurus oleh Jabatan Pembangunan UniMAP. Selain daripada itu, melalui Unit Kerjasama Awam-Swasta (UKAS) di bawah Jabatan Perdana Menteri, UniMAP mendapat satu lagi projek inisiatif pembiayaan swasta (PFI) iaitu pembinaan asrama untuk 4000 pelajar yang dinamakan PFI-2 dan telah mula dibina pada Disember 2013 dengan tempoh kontrak selama 30 bulan.

Bagi aspek kewangan, pendapatan mengurus UniMAP pada tahun 2014 ialah sebanyak RM293,070,241 berbanding dengan RM263,127,368 pada tahun 2013, iaitu meningkat sebanyak RM29,942,873 (11.38%). Daripada jumlah pendapatan mengurus tahun 2014 tersebut, sebanyak RM228,352,581 (77.92%) merupakan pendapatan daripada Kerajaan dan selebihnya sebanyak RM50,804,454 (17.33%) merupakan pendapatan daripada lain-lain sumber.

Perbelanjaan mengurus UniMAP pada tahun 2014 ialah sebanyak RM322,421,129 berbanding dengan RM297,608,293 pada tahun 2013, iaitu meningkat sebanyak RM24,812,836 (8.34%). Dengan itu, terdapat kurangan pendapatan atas perbelanjaan UniMAP sebanyak RM29,350,888 berbanding dengan kurangan RM34,480,925 pada tahun 2013.

Pendapatan pembangunan UniMAP pada tahun 2014 ialah sebanyak RM161,073,940 berbanding dengan RM65,810,311 pada tahun 2013, iaitu bertambah sebanyak RM95,263,629 (144.75%). Daripada pendapatan pembangunan UniMAP pada tahun 2014,

sebanyak RM117,377,792 (72.87%) adalah merupakan pemberian Kerajaan dan bakinya sebanyak RM43,696,148 (27.13%) adalah daripada geran dilunas. Perbelanjaan pembangunan UniMAP pada tahun 2014 pula adalah sebanyak RM13,880,882 berbanding dengan RM17,209,622 pada tahun 2013. Ini merupakan pengurangan sebanyak RM3,328,740 (19.34%).

Jumlah hartanah, loji dan peralatan UniMAP pada tahun 2014 adalah sebanyak RM457,025,168 berbanding dengan RM443,409,700 pada tahun 2013, iaitu meningkat sebanyak RM13,615,468 (3.07%). Jumlah harta semasa UniMAP pula adalah sebanyak RM224,135,126 pada tahun 2014 berbanding dengan RM132,517,104 pada tahun 2013, iaitu meningkat sebanyak RM91,618,022 (69.13%). Tanggungan semasa UniMAP pada tahun 2014 adalah sebanyak RM21,774,377 berbanding dengan RM18,631,424 pada tahun 2013, iaitu meningkat sebanyak RM3,142,953 (16.86%).

Berdasarkan keseluruhan pencapaian dan kejayaan 2014, UniMAP sedang berada di landasan yang tepat ke arah mencapai matlamat strategik universiti iaitu '500 universiti terbaik di dunia pada tahun 2020'. Bagi tahun 2014, Kementerian Pendidikan Malaysia telah menetapkan sebanyak 10 KPI Yang Amat Berhormat Menteri (KPI YABM) untuk dilaporkan kepada Menteri Pendidikan. Secara keseluruhannya, UniMAP telah mencapai 80% (8 daripada 10 KPI) yang melebihi 95%, manakala 20% (2 KPI) mencapai di antara 60% - 95%. Selain daripada KPI YABM, PMO telah menetapkan 33 KPI dan sasaran kepada IPTA. Terdapat sebanyak 12 Agenda Projek Kritikal (CAP) sahaja yang dipertanggungjawabkan untuk UniMAP. Pencapaian KPI PSPTN UniMAP telah menunjukkan pencapaian sebanyak 23 (70%) KPI telah mencapai indikator hijau, 8 (24%) KPI kuning dan 2 (6%) KPI berstatus merah daripada keseluruhan KPI berjumlah 33 untuk 12 CAPs.

Tahun 2014 melabuhkan tirai dengan pengalaman dan kenangan suka duka setiap lapisan warganya dalam mengharungi cabaran meletakkan UniMAP di kedudukannya kini. Insyaallah, dengan izin Yang Maha Esa, komitmen dan pencapaian akan terus ditingkatkan, tindakan akan terus dijadikan amalan agar impak akhirnya membuahkan kecemerlangan ke arah mencapai keterlihatan UniMAP yang menyerlah di persada antarabangsa.



Brig. Jen. Datuk Prof. Dr. Kamarudin Hussin  
Naib Canselor

## PELAN STRATEGIK PENGAJIAN TINGGI NEGARA (PSPTN)

Pada tahun 2014, KPM telah menetapkan sebanyak 10 KPI Yang Amat Berhormat Menteri (KPI YABM) untuk dilaporkan kepada Menteri Pendidikan oleh Yang Berbahagia Datuk Naib Canselor. Secara keseluruhannya, UniMAP telah mencapai 80% (8 daripada 10 KPI) yang melebihi 95%, manakala 20% (2 KPI) mencapai di antara 60% - 95%.

### KPI YABM 2014

Bil.	KPI	Sasaran 2014	Pencapaian 2014
1	Peratus Siswazah yang mendapat pekerjaan semasa konvokesyen	80%	64.4%
2	Bilangan penerbitan oleh universiti dalam jurnal yang diindeks	320	475
3	Bilangan Staf Akademik berkelayakan PhD dan setaraf (warganegara dan bukan warganegara) di IPTA	240	268
4	Enrolmen mahasiswa pasca siswazah antarabangsa di IPT	350	227
5	Kedudukan institusi pengajian tinggi pada tier 5 atau 6 dalam SETARA dan D-SETARA	5	5
6	Kedudukan institusi pengajian tinggi pada skor 75 ke atas MYRA	70	70
7	Peratusan enrolmen pelajar (TVET) di institusi pengajian tinggi	15%	17.9%
8	Bilangan ahli akademik yang mendapat penganugerahan di peringkat kebangsaan dan antarabangsa	191	192
9	Pemeringkatan dalam QS Asian University Ranking	150	243
10	Bilangan anugerah yang dimenangi oleh mahasiswa di peringkat tempatan dan antarabangsa	50	114
11	Enrolmen mahasiswa antarabangsa di IPT	800	521

Selain daripada KPI YABM, pada tahun 2014, PMO telah menetapkan 33 KPI dan sasaran kepada IPTA. Terdapat sebanyak 12 Agenda Projek Kritikal (CAP) sahaja yang dipertanggungjawabkan untuk UniMAP. Perincian pencapaian KPI PSPTN UniMAP adalah seperti dalam lampiran.



# LAPORAN NAIB CANSOLOR

## KPI PSPTN 2014

Bil.	CAPS	< 60%	60% - 95%	> 95%	Jumlah KPI
1	Academia	0	0	4	4
2	E-Learning	1	0	0	1
3	Entrepreneurship	0	1	1	2
4	Graduate Employability	0	1	0	1
5	Holistic Student Development	0	0	2	2
6	Industry Academia	0	0	1	1
7	Internationalization	0	3	0	3
8	Knowledge Transfer Programme	0	1	2	3
9	Teaching And Learning	0	0	2	2
10	Lifelong Learning	0	0	3	3
11	My Brain 15	0	2	2	4
12	Research And Development	1	0	6	7
<b>Pencapaian Keseluruhan</b>		<b>2</b>	<b>8</b>	<b>23</b>	<b>33</b>

## PENCAPAIAN KPI PSPTN 2014

Bil.	KPI	Pencapaian 2013	Sasaran 2014	Pencapaian 2014
1	Bilangan Penerbitan Yang Dihasilkan Secara Perkongsian Dan Berpasukan	668	700	713
2	Bilangan Ahli Akademik Yang Mendapat Penganugerahan Di Peringkat Kebangsaan Dan Antarabangsa	182	191	192
3	Bilangan Ahli Akademik Yang Dilantik Menjadi Profesor Adjung/ Profesor Pelawat	8	10	11
4	Bilangan Ahli Akademik Yang Terlibat Sebagai Pakar Rujuk/ Penasihat Di Peringkat Kebangsaan/ Antarabangsa	75	80	101

## CAP: E-LEARNING

Bil.	KPI	Pencapaian 2013	Sasaran 2014	Pencapaian 2014
1	Bilangan kursus IPTA dalam Mod Blended Learning <i>*Penurunan sasaran tahun 2014 berbanding pencapaian 2013 disebabkan oleh pertukaran definisi operasi.</i>	275	50	26

## CAP: ENTREPRENEURSHIP

Bil.	KPI	Pencapaian 2013	Sasaran 2014	Pencapaian 2014
1	Bilangan siswazah/lulusan IPT menceburi bidang perniagaan selepas tamat pengajian	4	70	58
2	Bilangan pelajar ijazah pertama dan diploma sepenuh masa (tidak termasuk pascasiswazah) terlibat dalam aktiviti pendedahan/ pembedayaan keusahawanan selain daripada kurikulum	3106	3500	3635

## CAP: GRADUATE EMPLOYABILITY

Bil.	KPI	Pencapaian 2013	Sasaran 2014	Pencapaian 2014
1	Peratus Siswazah yang mendapat pekerjaan semasa konvokesyen <i>*Data Tracer Study</i>	62%	80%	64.4%

## CAP: HOLISTIC STUDENT DEVELOPMENT

Bil.	KPI	Pencapaian 2013	Sasaran 2014	Pencapaian 2014
1	Bilangan pemimpin yang berketerampilan di kalangan Majlis Perwakilan Pelajar (MPP) IPTA	KPI Baru	10	10
2	Bilangan program berteraskan University Community Engagement (UCE) yang dilaksanakan oleh IPTA di seluruh Malaysia	KPI Baru	3	3

## CAP: INTERNATIONALIZATION

Bil.	KPI	Pencapaian 2013	Sasaran 2014	Pencapaian 2014
1	Jumlah staf akademik antarabangsa di IPTA	71	82	75
2	Enrolmen mahasiswa pasca siswazah antarabangsa di IPTA	KPI Baru	350	227
3	Enrolmen mahasiswa antarabangsa di IPT	554	800	521

## CAP: LIFELONG LEARNING

Bil.	KPI	Pencapaian 2013	Sasaran 2014	Pencapaian 2014
1	Bilangan peserta yang menyertai program PSH (Program PSH formal) - IPTA	154	170	243
2	Bilangan program PSH di IPTA	5	32	32
3	Bilangan peserta yang menyertai program PSH (Program PSH tidak Formal) IPTA	449	240	2059

## CAP: KNOWLEDGE TRANSFER PROGRAMME

Bil.	KPI	Pencapaian 2013	Sasaran 2014	Pencapaian 2014
1	Bilangan Amalan Terbaik dalam pemindahan ilmu yang diterima pakai oleh komuniti dan inovasi yang diterima oleh Industri masing-masing.	0	1	1
2	Bilangan projek pemangkin/ 'Flagship' pemindahan ilmu dan akademik yang dilaksanakan mengikut bidang tumpuan utama (KRAs) industri dan komuniti	2	3	2
3	Bilangan Projek Pemindahan ilmu dan akademik dengan kerjasama Industri/Komuniti	8	4	7

## CAP: LEARNING AND TEACHING

Bil.	KPI	Pencapaian 2013	Sasaran 2014	Pencapaian 2014
1	Bilangan program yang melaksanakan sekurang-kurangnya 5 amalan pembelajaran berimpak tinggi yang menyokong HSD.	KPI Baru	32	35
2	Jumlah bajet penyelidikan universiti yang diperuntukkan bagi penyelidikan dan inovasi dalam P&P	KPI Baru	RM 7,000	RM 2,307,000

## CAP: RESEARCH & DEVELOPMENT

Bil.	KPI	Pencapaian 2013	Sasaran 2014	Pencapaian 2014
1	Bilangan produk R&D yang dikomersilkan pada tahun semasa	0	1	2
2	Jumlah dana penyelidikan yang diperolehi IPT dari pihak antarabangsa pada tahun semasa	RM1,904,420	RM750,000	RM443,607.89
3	Jumlah dana penyelidikan yang diperolehi IPT dari pihak swasta pada tahun semasa	RM3,072,500	RM1,250,000	RM5,000,000
4	Bilangan harta intelek (IP) yang difailkan	52	40	99
5	Bilangan penerbitan oleh universiti dalam jurnal yang diindeks	412	320	475
6	Jumlah kumulatif sitasi dalam tempoh 5 tahun ke belakang	KPI BARU	225	3919
7	Jumlah penjana pendapatan R&D & C daripada: i) Harta Intelek (IP) ii) Perundingan (konsultasi) iii) Khidmat Knowledge Transfer	KPI BARU	RM1,000,000	RM3,554,276.74

## CAP: MY BRAIN 15

Bil.	KPI	Pencapaian 2013	Sasaran 2014	Pencapaian 2014
1	Bilangan mahasiswa PhD (warganegara dan bukan warganegara, sepenuh masa dan separuh masa) yang bergraduasi dalam tempoh yang sepatutnya di IPTA	21	50	32
2	Bilangan mahasiswa PhD (warganegara, sepenuh masa dan separuh masa) yang digraduasi oleh IPTA	18	30	20
3	Bilangan Staf Akademik berkeelayakan PhD dan setaraf (warganegara dan bukan warganegara) di IPTA	240	240	263
4	Enrolmen mahasiswa PhD dan setaraf di IPTA (warganegara)	218	270	296

## CAP: INDUSTRY ACADEMIA

Bil.	KPI	Pencapaian 2013	Sasaran 2014	Pencapaian 2014
1	Peratus pendapatan yang dijana IPTA	9.6%	12%	12%